



SIARAN MEDIA

KERAJAAN PERGIAT USAHA TANGANI KEGANASAN RUMAH TANGGA

IPOH, 20 Ogos 2025 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) komited menangani isu keganasan rumah tangga dengan penganjuran Program Advokasi Kesejahteraan Untuk Wanita @Keganasan Rumah Tangga @ Aku Wanita@KRT. Program telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Dewan Galasa Caldwell, Ipoh, Perak.

Bertemakan “Ayuh Berani Lapor”, program ini menjadi platform strategik untuk meningkatkan kesedaran, memberi keyakinan kepada mangsa untuk bersuara, serta menyediakan ruang sokongan dan pemulihan yang selamat. Ia turut menampilkan sesi intervensi psikologi “K-Chat” bersama kaunselor terlatih, perkongsian pemandiri dan forum bersama pakar. Program ini berjaya menghimpunkan kira-kira 500 peserta dari pelbagai latar belakang.

Menurut Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, keganasan rumah tangga adalah jenayah dan pelanggaran hak asasi manusia yang memberi kesan serius kepada mangsa, terutama wanita dan kanak-kanak. Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada tahun lalu merekodkan 7,116 kes keganasan rumah tangga, manakala sehingga April tahun ini sebanyak 2,467 kes telah dilaporkan. Di Perak sebanyak 842 kes direkodkan pada tahun yang lalu, menjadikannya antara lima negeri tertinggi mengikut nisbah populasi penduduk dengan kadar 0.02. Sementara itu dalam tempoh empat bulan pada tahun ini, negeri Perak mencatatkan 425 kes berbanding 175 kes bagi tempoh sama pada tahun lalu, menunjukkan peningkatan lebih dua kali ganda.

Angka-angka ini memberi gambaran bahawa lebih ramai mangsa kini berani tampil melaporkan insiden bagi mendapatkan bantuan selari dengan tahap kesedaran masyarakat yang semakin tinggi. Walaupun begitu peningkatan aduan juga

menandakan isu ini masih serius dan memerlukan usaha berterusan melalui program advokasi, sokongan psikososial serta langkah pencegahan yang konsisten agar bilangan kes dapat dikurangkan dan mangsa dilindungi sepenuhnya.

Beliau turut menekankan pentingnya program advokasi berterusan bagi memastikan masyarakat lebih peka terhadap isu ini. Antara inisiatif lain yang dilaksanakan oleh KPWK M termasuk Program Matahari, IRIS, Skuad Waja dan penyediaan khidmat kaunseling.

KPWKM berharap penganjuran Aku Wanita @KRT dapat memberi impak positif kepada masyarakat selain memperkukuh jaringan sokongan mangsa dan memartabatkan agenda pemerikasaan wanita di negara ini.

Turut hadir YB Dato' Salbiah Binti Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan Dan Koperasi Negeri Perak, YB Puan Jenny Choy Tsi Jen, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Canning selaku Timbalan Dipertua Speaker Dewan Undangan Negeri Perak, YBrs. Puan Halizah Binti Sipun, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (Pembangunan), Pegawai-pegawai Kanan serta wakil daripada Agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

#####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
20 OGOS 2025**